

# BIJAK TANGANI PENIPU HASIL

Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaporkan bahawa saban tahun kita mengalami kerugian beratus juta ringgit akibat jenayah penipuan yang membabitkan jenayah kewangan. Dalam hal ini, bagaimanakah pula dengan kes yang tidak dilaporkan? Kerugian yang dialami mungkin mencecah berbilion ringgit. Tahukah anda bahawa selain menyamar sebagai pihak berkuasa, nama dan identiti agensi kerajaan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) juga digunakan oleh penipu (*scammer*) untuk memperdaya orang ramai?

**B**erdasarkan statistik PDRM, kes jenayah penipuan dalam talian mencatatkan penurunan pada tahun 2022, iaitu 20 041 kes berbanding dengan 20 701 kes pada tahun 2021. Namun begitu, kerugian akibat jenayah tersebut meningkat kepada RM684.5 juta pada tahun 2022 berbanding dengan RM560.8 juta pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah kes tersebut, jumlah tangkapan membabitkan kes penipuan dalam talian meningkat pada tahun lalu dengan jumlah 13 371 tangkapan berbanding dengan tahun 2021, iaitu 9991 tangkapan. Terima kasih PDRM atas usaha yang telah diambil bagi membanteras jenayah penipuan ini.

## Modus Operandi sebagai Pegawai HASiL

Penipu tidak pernah berputus asa dalam melaksanakan modus operandi mereka untuk memperdaya dan menipu mangsa. Hal ini termasuklah penyamaran sebagai pegawai HASiL, iaitu penipu akan menghubungi mangsa melalui panggilan telefon dan mendakwa syarikat atau perniagaan mangsa mempunyai tunggakan cukai yang mesti dilunaskan. Mangsa yang terkeliru dengan panggilan kebiasaannya akan membuat



penafian. Namun begitu, bagi meyakinkan mangsa, panggilan tersebut akan disambungkan kepada individu yang menyamar sebagai pegawai polis, pegawai dari Bank Negara Malaysia (BNM) atau pegawai dari agensi penguatkuasa yang lain dan memaksa mangsa untuk membuat laporan rasmi.

Bukan sekadar itu, mangsa seterusnya dikaitkan pula dengan kegiatan pengubahan wang haram, pengedaran dadah atau kegiatan jenayah yang

---

lain sehinggakan mangsa menjadi panik dan menyerahkan segala maklumat perbankan termasuklah nombor Transaction Authorisation Code (TAC) atau One Time Passcode (OTP) kepada suspek. Mangsa mula menyedari bahawa mereka ditipu apabila mendapati wang dalam akaun mereka telah dipindahkan ke akaun bank pihak ketiga dan suspek tidak dapat dihubungi semula.

### Tip Elak Jadi Mangsa Penipuan

Sebijak-bijak penipu mengatur strategi untuk menipu mangsa, bijak lagi anda jika berjaya menggagalkan usaha jelik tersebut. Semua perkara ini tidak mustahil sekiranya anda mengikuti tip seperti yang berikut:

1. Jangan panik jika anda menerima e-mel, panggilan, mesej atau surat palsu yang memaklumkan bahawa anda mempunyai kes jenayah atau tunggakan cukai dengan HASiL.
2. Dapatkan pengesahan terlebih dahulu dengan menghubungi HASiL Care Line melalui talian 03-89111000/603-89111100 (luar negara) atau hadir ke pejabat HASiL yang berhampiran.
3. Abaikan dan terus padam e-mel yang mencurigakan.
4. Sentiasa ingat bahawa HASiL tidak membincangkan hal-hal berkaitan dengan percukaian melalui panggilan telefon peribadi. Sebarang permohonan maklumat daripada pembayar cukai dan arahan pembayaran cukai tertunggak akan dilakukan secara teratur melalui surat atau e-mel rasmi yang menggunakan domain @hasil.gov.my.
5. Jangan berikan maklum balas atau mendedahkan maklumat sulit kewangan dan percukaian anda seperti nombor kad pengenalan, nombor rujukan cukai, nombor akaun bank dan sebagainya kepada pihak yang diragui.

### MyTax - Hero Pembayar Cukai

Sebagai pengguna tegar MyTax, sudah tentu penipu akan tertipu semula dengan anda. Hal ini demikian kerana pembayar cukai boleh menyemak sendiri maklumat tunggakan cukai mereka menggunakan MyTax menerusi capaian <https://mytax.hasil.gov.my/>. MyTax merupakan inisiatif HASiL ke arah menggalakkan rakyat menggunakan aplikasi dan perkhidmatan elektronik. MyTax 1.0 dilancarkan pada 19 November 2020 bersempena dengan Sambutan Hari Inovasi dan Integriti HASiL. Mulai Januari 2023, HASiL telah menambah baik

perkhidmatan elektroniknya dengan melaksanakan transformasi digital ke arah meningkatkan pematuhan cukai menerusi pembangunan MyTax 2.0 yang mengandungi paparan dan fungsi yang lebih inovatif, mesra pengguna dan bersepadu. Menerusi MyTax 2.0, pembayar cukai dapat menyemak pembayaran cukai yang dibuat oleh mereka dan dapat mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan.


### Saluran yang Betul untuk Pembayar Cukai

Pastikan anda tidak membuat sebarang pembayaran cukai kepada akaun orang ketiga atau mana-mana individu mahupun syarikat. Bayaran Cukai Pendapatan dan Cukai Keuntungan Harta Tanah hendaklah dibuat hanya kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri atau Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia manakala bayaran duti setem dibuat kepada Pemungut Duti Setem untuk memastikan bayaran tersebut benar-benar masuk ke akaun HASiL dan seterusnya mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan.

### Ambil Tahu dan Saling Mengingat

Muslihat penipu sebenarnya mampu ditangani sekiranya kita semua mengambil tahu akan jenayah ini dan saling mengingatkan antara satu sama lain. Banyak kes mangsa penipuan melibatkan golongan berusia yang tinggal di kampung dan jauh dari anak-anak. Oleh itu, sebagai anak yang telah dewasa, anda perlu sentiasa mengingatkan ibu bapa tentang taktik penipuan kewangan. Bagi golongan pesara pula, mereka perlu lebih berhati-hati dengan sebarang kegiatan kewangan dalam talian. Dalam hal ini, semua masyarakat hendaklah sentiasa berwaspada terhadap panggilan yang mendakwa mereka dari agensi tertentu dan mendapatkan pengesahan daripada agensi yang terlibat terlebih dahulu sebelum melakukan transaksi kewangan.

Langkah menangani penipuan merupakan tanggungjawab semua. Sebagai masyarakat yang bijak, anda perlu peka akan perkembangan semasa berkaitan dengan jenayah kewangan ini, tidak mudah panik dengan ugutan, sentiasa mendapatkan nasihat daripada pihak berwajib berhubung dengan transaksi kewangan sebelum melakukan tindakan dan saling mengingati antara satu sama lain tentang kewujudan jenayah penipuan kewangan dalam talian. Bijak tangani penipu agar anda tidak menjadi mangsa penipuan yang seterusnya. 🌟



Sumber: Poster LHDNM

# KUIZ

## TEMA – WASPADA ANCAMAN PENIPU

1. 

N	Y	M	A	P	R	N	A	A	E

Modus operandi yang digunakan oleh pihak penipu ialah \_\_\_\_\_ sebagai pegawai HASiL, iaitu penipu akan menghubungi mangsa melalui panggilan telefon dan mendakwa bahawa syarikat atau perniagaan mangsa mempunyai tunggakan cukai yang mesti dilunaskan.

2. 

A	L	I	S	H

A	E	R	C

I	E	N	L

Sekiranya anda dikatakan mempunyai tunggakan cukai dengan HASiL, anda disarankan untuk membuat pengesahan terlebih dahulu dengan menghubungi \_\_\_\_\_ melalui talian 03-89111000 atau hadir ke pejabat HASiL yang berhampiran.

3. 

O	B	R	O	M	N

K	N	U	A	A

A	K	N	B

Pembayar cukai dinasihatkan agar tidak memberikan maklum balas atau mendedahkan maklumat sulit kewangan dan maklumat percubaian seperti nombor kad pengenalan, nombor rujukan cukai, \_\_\_\_\_ dan sebagainya kepada pihak yang diragui.

4. 

X	Y	A	M	T

Pembayar cukai boleh membuat semakan maklumat tunggakan cukai mereka menggunakan aplikasi \_\_\_\_\_ menerusi capaian <https://mytax.hasil.gov.my/>.

5. 

E	U	A	T	K

E	A	A	P	G	R	H	N

A	I	L	S	H

A	A	D	M	L

N	I	G	E	R	E

Sekiranya pembayar cukai hendak membuat bayaran Cukai Pendapatan atau Cukai Keuntungan Harta Tanah, bayaran tersebut hendaklah dibuat hanya kepada \_\_\_\_\_ atau Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

6. 

M	N	E	U	T	G	U	P

U	I	D	T

E	M	E	T	S

Bagi pembayaran duti setem, bayaran mestilah dibuat hanya kepada \_\_\_\_\_ bagi memastikan bayaran tersebut benar-benar masuk ke akaun HASiL.

7. 

E	W	S	A	D	A	P	A	R	B

Pembayar cukai diingatkan agar sentiasa \_\_\_\_\_ terhadap panggilan yang mendakwa mereka dari agensi tertentu dan mendapatkan pengesahan terlebih dahulu daripada agensi yang terlibat sebelum melakukan transaksi kewangan.

8. 

E	K	S

U	N	G	K	N	A	A	G	T

U	K	A	I	C

Antara modus operandi penipuan yang mengaitkan nama LHDNM adalah berkaitan dengan \_\_\_\_\_, pelarian cukai, lawatan audit atau siasatan cukai, keuntungan penjualan saham, sijil STAMPS dan bayaran balik wang terlebih bayar.

9. 

@	S	I	H	L	A	.	O	V	G	.	Y	M

Sebarang permohonan maklumat daripada pembayar cukai dan arahan pembayaran cukai tertunggak akan dilakukan secara teratur melalui surat atau e-mel rasmi LHDNM dengan menggunakan domain \_\_\_\_\_.

10. 

E	F	N	L	O	E	T

I	B	B	I	T	M

Pembayar cukai diingatkan bahawa pihak HASiL tidak akan membuat panggilan kepada pembayar cukai melalui panggilan \_\_\_\_\_ peribadi.

## PERATURAN

- Semua pembaca *Dewan Siswa* yang berumur antara 13 hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyerurat tidak dilayan.
- Tekaan hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **30 APRIL 2023**. Jawapan yang diterima lebih awal dan betul semua jawapannya akan diberikan keutamaan.
- Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

## Borang Penyertaan

Nama : ..... No. Kad Pengenalan : .....

Alamat Rumah : ..... No. Telefon : .....

..... Nama Bank : .....

..... No. Akaun Bank : .....  
(Akaun bank milik peserta)

Nama Sekolah/Institut : ..... E-mel : .....

## Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor *Dewan Siswa*, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 50460 Kuala Lumpur  
atau e-melkan kepada [sitiirni@dbp.gov.my](mailto:sitiirni@dbp.gov.my) atau [syafiqahkhalid@dbp.gov.my](mailto:syafiqahkhalid@dbp.gov.my)



## Jawapan Kuiz

### Tema: Kesedaran, Pendidikan dan Perkhidmatan

- |                          |                                   |
|--------------------------|-----------------------------------|
| 1. KESIHATAN AWAM        | 6. PLATFORM EDUZONE               |
| 2. CUKAI LANGSUNG        | 7. APLIKASI MYTAX                 |
| 3. AKTA CUKAI PENDAPATAN | 8. POTONGAN CUKAI BERJADUAL       |
| 4. PEMATUHAN CUKAI       | 9. ANDALAH WIRA NEGARA            |
| 5. HASIL YOUR TAX BUDDY  | 10. BORANG MAKLUM BALAS PELANGGAN |